



26 Mar 2019

Sinar Harian, Malaysia

Author: Arziana Mohmad Azaman • Section: Selangor & KL • Page: 20
Printed size: 249.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 4,247.00 • Item ID: MY0035506833

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Potong elektrik, air

51 kilang haram bakal berdepan tindakan kerana ingkar notis penutupan

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

SHAH ALAM

Sebanyak 51 kilang haram didapati masih beroperasi di negeri ini walaupun agensi berkaitan sudah melaksanakan penguatkuasaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han menjelaskan, sebanyak 107

kilang haram dikejar di enam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan 99 daripadanya diberi notis penutupan.

“Daripada 99 kilang itu, sebanyak 48 sudah ditutup sepenuhnya namun masih berbaki 51 kilang yang dikesan masih ingkar mematuhi notis yang dikeluarkan pihak penguatkuasa. Kerajaan negeri memerlukan kerjasama agensi berkaitan untuk memotong utiliti kilang terbabit.

“Ini kerana, cara yang paling efektif menghentikan operasi ia-lah dengan memotong bekalan air dan elektrik seperti tindakan



NG SZE HAN

yang dilaksanakan di Kuala Langat.

“Kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Tenaga diperlukan bagi bersama membanteras kilang haram sepenuhnya,” katanya ketika menjawab soalan Leong Tuck Chee (DAP-Pandamaran) mengenai status kilang haram.

Mengulas lanjut, Sze Han (DAP-Kinrara) berkata, kerajaan negeri komited melaksanakan penguatkuasaan terhadap kilang haram termasuk tindakan mahkamah terhadap enam kes dengan kutipan denda sebanyak RM389,000 dan hukuman sehari penjara.

“Secara keseluruhan, tindakan yang diambil Jabatan Alam Sekitar pada Julai tahun lalu sehingga Februari tahun ini, sebanyak 127 kes dan 50 kes mahkamah diambil sebagai bukti komitmen kerajaan negeri dalam membanteras kilang haram ini.

“Menjawab soalan tambahan Dr Idris Ahmad (PKR-Ijok) berkaitan isu perampasan hak milik tanah yang disalahgunakan, kerajaan negeri turut mengeluarkan tiga notis kepada pemilik tanah terbabit.

“Sebagai contoh kes di Kuala Langat, pemilik kilang diberi Notis 7A, 7B dan 8A sekiranya tuan tanah masih gagal untuk memulihkan tanah seperti yang diarahkan sebelum tindakan lanjut diambil,” katanya pada sidang DUN Selangor, semalam.



26 Mar 2019
Sinar Harian, Malaysia

Author: Arziana Mohmad Azaman • Section: Selangor & KL • Page: 20
Printed size: 249.00cm² • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color
ASR: MYR 4,247.00 • Item ID: MY0035506833

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

51 kilang haram bakal berdepan tindakan kerana ingkar notis penutupan

Sebanyak 51 kilang haram didapati masih beroperasi di negeri ini walaupun agensi berkaitan sudah melaksanakan penguatkuasaan. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han menjelaskan, sebanyak 107SHAH ALAM

kilang haram dikesan di enam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan 99 daripadanya diberi notis penutupan.